

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**MODEL PENTAKSIRAN  
KOMPETENSI HOLISTIK DALAM  
PENGAJARAN PENDIDIKAN  
LATIHAN TEKNIKAL DAN  
VOKASIONAL (PLTV)**

**ZULKIFLI BIN MOHD SIDI**

Tesis yang dikemukakan  
bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah  
**Doktor Falsafah**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)**

Oktober 2018

## ABSTRAK

Sektor Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) merupakan teras kepada proses pembangunan modal insan melahirkan graduan berkemahiran kepada industri negara. Sektor yang dijenamakan semula ini adalah hasil daripada transformasi yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) setelah penambahbaikan daripada RMKe-10. Perubahan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) yang dikaji semula telah mengubah landskap sistem pendidikan dan latihan negara. Pemerkasaan dan arus perdanakan sektor ini telah mendapat tempat di kalangan masyarakat dalam memberi jaminan kepada graduan-graduan ke lapangan pekerjaan. Sektor ini menjadi platform kepada pelajar-pelajar yang memilih bidang kemahiran sebagai laluan kerjaya di industri-industri. Namun begitu, transformasi sektor ini telah membuka ruang untuk diterokai bersama di dalam pembangunan tenaga kerja berkemahiran supaya memenuhi keperluan industri semasa. Penyelidikan empirikal ini bertujuan untuk membangunkan sebuah model pentaksiran kompetensi dengan ciri-ciri pengukuran pencapaian yang bersifat holistik. Penyelidikan ini merujuk kepada apakah kaedah terbaik untuk memenuhi objektif semasa yang diperlukan bagi menepati keberhasilan graduan-graduan berkualiti mengikut keperluan industri. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang merujuk kepada model Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (*DDR*) oleh Rita C. Richey, James D. Klein & Wayne A. Nelson (2007). Model ini dilaksanakan menerusi tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, reka bentuk dan penilaian model. Fasa pertama dimulai dengan temu bual dan disertai penyemakan konstruk instrumen oleh 4 orang pakar rujuk. Item-item soal selidik yang berskala 5 *Likert* dibina berdasarkan kepada tinjauan literatur dan hasil temu bual pakar mendapati kesemuanya memberikan pandangan positif terhadap penyelidikan ini dan bersetuju (100%) dengan sejumlah 163 item soal selidik. Pada fasa kedua pembinaan reka bentuk menggunakan soal selidik sama bagi mengutip kesepakatan 9 orang pakar PLTV terhadap kerangka, komponen dan elemen-elemen bersesuaian menerusi kaedah Teknik *Delphi* diubah suai (*MDT*). Manakala analisis data menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* (*FDM*) mendapati hanya 151 item sahaja yang telah disepakati kesesuaiannya. Sejumlah 12 item telah tidak dipersetujui apabila hasil analisis tidak menepati syarat *threshold* ( $d \leq 0.2$ ) dan peratusan kesepakatan rendah dari 75.00%. Kerangka “pemupukan”, 93 item; “pemantapan”, 32 item; dan “penghayatan”, 26 item. Manakala 3 item di bawah aras peratusan kesepakatan iaitu “pemupukan” (1 item); “pemantapan” (2 item); dan “pemupukan” (0 – tiada perubahan). Pada fasa terakhir, seramai 25 personel pakar pengajar (PAJAR) membuat penilaian kebolegunaan model dengan mengisi soal selidik berskala 7 *Likert*. Setelah proses *defuzzification* dilakukan, nilai skor *Fuzzy* menunjukkan kesemua personel telah bersepakat apabila skornya melebihi nilai  $\alpha\text{-cut} = 0.5$ , manakala peratusan *threshold* ( $d \leq 0.2$ ) mencecah 98.68%. Secara keseluruhan, penyelidikan telah berjaya membangunkan sebuah model pentaksiran kompetensi hasil daripada pengumpulan kesepakatan tiga kumpulan pakar yang terdiri daripada pakar rujuk penyelidikan, pakar bidang kemahiran sektor PLTV dan pakar pengajar latihan kemahiran. Pandangan serta cadangan pakar-pakar yang berkaitan mampu menghasilkan model pentaksiran yang memenuhi kehendak semasa latihan walaupun berlaku pelbagai perubahan di peringkat pembuat dasar.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kebesaran rahmat, keluasan kasih sayang dan selaut pertolongan-Nya, saya dipilih oleh-Nya untuk menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Saya mulai bicara penghargaan ini dengan warkah tulisan “Terima Kasih” untuk semua yang terlibat secara langsung atau tidak sepanjang pelayaran Ilmu hingga sampai ke destinasi pelabuhan lengkap tesis ini. Pertamanya, saya ingin melahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih buat YBrs isteri saya Che Hashimah Bt. Mohamad dan anak-anak ‘Izzat, ‘Izzati dan ‘Izzatul serta keluarga dan sahabat-sahabat saya yang sentiasa memberikan dorongan dan galakan dalam memahami susah payah menyiapkan tesis ini. Saya juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Assoc. Dr. Mohd Nor Bin Mamat dan Prof. Madya Ahmad Zaki Bin Abdul Latif selaku penyelia-penyelia saya yang banyak membimbing, membakar semangat, menguntum ceria dan sentiasa meluahkan kata-kata perangsang kepada saya sepanjang perjalanan bahtera sehingga ke pelabuhannya.

Saya juga mengalungkan penghargaan dan terima kasih kepada saf-saf pakar yang membantu memperkemas dan sudi di temu bual serta menyemak struktur instrumen dan struktur bahasa penyelidikan ini iaitu Prof. Dr. Ghazali Bin Darulsalam (FP, UM), Dr. Ridzwan Bin Che Ros (FTV, UPSI), Dr. Nik Adli Bin Wan Ramli (APIUM, UM) dan Dr. Rahaila Bt. Omar (IPGKPI) (Pensyarah Cemerlang). Terima kasih juga kepada pakar dalam bidang latihan kemahiran sektor PLTV iaitu Dr. Faizal Tokeran (KSM), Dr. Affero Ismail (UTHM), Prof. Assoc. Dr. Ahmad Othman (KUPTM), Ir. Dr. Azmi Ahmad (KBS), Dr. Faridah Hanim Yahya (UPSI), Dr. Zaliza Hanapi (UPSI), En. Mohd Razali Md Yunos (UTEM), Prof. Assoc. Mohd Ariff Mat Hanafiah (UTEM) dan Dr. Amiron Ismail (PRITECH), guru-guru dan pengajar yang membimbing dalam memberikan input maklumat yang amat berguna. Segulung penghargaan dan terima kasih juga kepada Dr. Ridhuan Mohd Jamil (Politeknik Nilai) pakar analisis *Fuzzy Delphi Method (FDM)* membimbing dan meminjamkan *template MS Excel* nya bagi menjayakan proses analisis tersebut.

Kalungan terima kasih jua kepada seluruh staf ACIS, pengajar-pengajar pakar di CIAST, Shah Alam kerana turut memberikan sumbangannya kepada penyelidikan ini Mudah-mudahan Allah SWT mengurniakan kebaikan berpanjangan kepada kita semua di dunia dan akhirat.

# ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	ii
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xx
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xxi
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	xxiv
<b>BAB SATU: PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan	1
1.1.1    Latar Belakang Penyelidikan	2
1.2    Pernyataan Masalah	5
1.3    Tujuan Penyelidikan	6
1.4    Objektif Penyelidikan	10
1.5    Persoalan Penyelidikan	12
1.6    Rasional Penyelidikan	13
1.7    Signifikan Penyelidikan	17
1.8    Limitasi dan Skop Penyelidikan	19
1.9    Delimitasi Penyelidikan	21
1.10   Kerangka Teoritikal	22
1.11   Kerangka Konseptual Penyelidikan	29
1.12   Tafsiran Dan Definisi Operasional	30
1.12.1   Istilah-istilah dan Maksud Operasional dalam Penyelidikan	31
1.12.1.1 <i>Model</i>	31
1.12.1.2 <i>Instrumen</i>	31
1.12.1.3 <i>Objektif Pembelajaran</i>	32
1.12.1.4 <i>Pendidikan Tertiari</i>	32

1.12.1.5	<i>Kaedah</i>	32
1.12.1.6	<i>Pendekatan</i>	33
1.12.1.7	<i>Pengukuran</i>	33
1.12.1.8	<i>Penilaian</i>	33
1.12.1.9	<i>Pentaksiran</i>	34
1.12.1.10	<i>Kaedah Pentaksiran</i>	34
1.12.1.11	<i>Pengajar</i>	34
1.12.1.12	<i>'Hands-On'</i>	35
1.12.1.13	<i>Pengajaran dan Pembelajaran (P&amp;P)</i>	35
1.12.1.14	<i>Kompetensi</i>	35
1.12.1.15	<i>Kompeten (Trampil)</i>	36
1.12.1.16	<i>Modal Insan</i>	36
1.12.1.17	<i>Pakar</i>	36
1.12.1.18	<i>Prestasi</i>	37
1.12.1.19	<i>Amalan (praktis)</i>	37
1.12.1.20	<i>Teknikal</i>	37
1.12.1.21	<i>Vokasional</i>	37
1.12.1.22	<i>Kemahiran</i>	38
1.12.1.23	<i>Pendidikan</i>	38
1.12.1.24	<i>Pendidikan, Latihan Teknikal &amp; Vokasional (PLTV)</i>	38
1.12.1.25	<i>Latihan</i>	39
1.12.1.26	<i>Kemakmalan</i>	39
1.12.1.27	<i>Latihan Kemahiran</i>	39
1.12.1.28	<i>Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)</i>	40
1.12.1.29	<i>Klasifikasi Objektif Pembelajaran (KOP)</i>	40
1.12.1.30	<i>Domain Psikomotor</i>	40
1.12.1.31	<i>Hiraki Pentaksiran Domain Psikomotor</i>	41
1.12.1.32	<i>Pentaksiran Psikomotor</i>	41
1.12.1.33	<i>Pentaksiran Pengetahuan</i>	42
1.12.1.34	<i>Pentaksiran Prestasi</i>	42
1.12.1.35	<i>Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 – NASDA 652</i>	42
1.12.2	<i>Istilah-istilah Kerohanian dalam Penyelidikan</i>	43
1.12.2.1	<i>Metafizik</i>	43